




*Khutbah Iduladha 10 Zulhijjah 1443H: "Ibadah Haji dan Iduladha Kemuncak Zikrullah".  
Jabatan Agama Islam Selangor*



الله رب العالمين  
الله اكمل نعمته علينا  
الله اكمل نعمته علينا  
الله اكمل نعمته علينا

ISLAMIC · SAVIOUR · OBEDIENCE



# **MANUAL**

## **KHUTBAH AIDULADHA**

**IBADAH HAJI DAN  
IDULADHA KEMUNCAK  
ZUKRULLAH**

Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Selangor



## "EIDUL FITRI MENGAGUNGKAN ILAHI MENYATU HATI".1

<p>اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلَلَّهِ الْحَمْدُ</p>	2
<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَأَذِنْ فِي النَّاسِ بِالْحَجَّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَى كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَ مِن كُلِّ فَجَّ عَمِيقٍ ﴿٢٧﴾ لَيَشْهَدُوا مَنَافِعَ لَهُمْ وَيَذْكُرُوا أَسْمَ اللَّهِ فِي أَيَّامٍ مَعْلُومَاتٍ عَلَى مَا رَزَقَهُمْ مِنْ بَهِيمَةِ الْأَنْعَمِ فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطْعُمُوا <b>الْبَآسِ الْفَقِيرَ</b> ﴿٢٨﴾</p>	3
<p>أَشْهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ وَلَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	4
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا <b>تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ</b> ﴿١٠٣﴾</p>	5
<p>اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلَلَّهِ الْحَمْدُ</p> <p><b>Hadirin Muslimin dan Muslimat yang dikasihi Allah SWT sekalian,</b></p> <p>Saya berpesan kepada diri saya dan para jemaah agar bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi hamba Allah SWT yang direndai di dunia dan di akhirat.</p>	6



<p>Khutbah Iduladha pada kali ini bertajuk, "<b>IBADAH HAJI DAN IDULADHA KEMUNCAK ZIKRULLAH</b>".</p> <p><b>Hadirin Muslimin dan Muslimat yang dikasihi Allah SWT,</b></p>	7
<p>Iduladha merupakan salah satu daripada dua hari kegembiraan umat Islam yang disyariatkan. Hadis daripada Anas bin Malik Radhiallahu'anhу yang mengisahkan:</p> <p><i>"Rasulullah SAW tiba di Madinah dan penduduk Madinah mempunyai dua hari untuk bermain-main (merayakannya) sewaktu jahiliah. Maka Baginda SAW bersabda: Sesungguhnya Allah SWT telah mengantikan kepada kalian dua hari yang lebih baik daripadanya iaitu Idulfitri dan Iduladha."</i></p> <p style="text-align: right;">(Riwayat Ahmad.)</p>	8
<p>Selain hari kesyukuran dan kegembiraan, Iduladha adalah hari zikrullah iaitu hari mengingati serta membesarluan Allah SWT. Dalam menghidupkan Iduladha dengan zikrullah, umat Islam yang tidak menunaikan ibadah Haji disunatkan bertakbir bermula sesudah solat Subuh Hari Arafah pada 9 Zulhijjah berterusan sehingga sesudah Solat Asar pada Hari Tasyrik ketiga pada 13 Zulhijjah. Manakala para jemaah yang menunaikan ibadah Haji disunatkan bertakbir bermula sesudah solat Zohor Hari Iduladha 10 Zulhijjah kerana sebelum itu mereka disunatkan bertalbiah.</p> <p style="text-align: center;"><b>اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ</b></p> <p><b>Muslimin-Muslimat yang diberkati Allah SWT,</b></p>	9



Maqasid atau tujuan utama ibadah Haji adalah zikrullah dan ianya merupakan roh, intipati dan maksud kepada ibadah haji sebagaimana hadis A'isyah Radhiallahu'anha bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّمَا جُعِلَ الطَّوَافُ وَالسَّعْيُ بَيْنَ الصَّفَّا وَالْمَرْوَةِ وَرَمْيُ الْجِمَارِ لِإِقَامَةِ ذِكْرٍ  
اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ

10

"Sesungguhnya tujuan tawaf, sai antara safat dengan marwah dan melempar jamrah ialah untuk mengingati Allah Azzawajalla (Yang Maha Agung)."

11

(Riwayat Ahmad).

Hakikatnya, zikrullah merupakan maqasid dalam setiap ibadah yang dilaksanakan. Al-Quran memperlihatkannya di setiap akhir ayat yang berkaitan. Berkaitan solat, Allah SWT berfirman dalam surah al-Nisa ayat 103 yang bermaksud "Kemudian apabila kamu telah selesai mengerjakan solat, maka hendaklah kamu menyebut dan mengingati Allah semasa kamu berdiri atau duduk dan semasa kamu berbaring." Firman Allah SWT berkaitan puasa dalam surah al-Baqarah ayat 185: "Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), dan supaya kamu membesarluan Allah kerana mendapat petunjuk-Nya dan supaya kamu bersyukur." Manakala berkaitan haji Allah SWT berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 200 yang bermaksud: "Kemudian apabila kamu telah selesai mengerjakan ibadat Haji kamu, maka hendaklah kamu menyebut-nyebut dan mengingati Allah (dengan membesarluan-Nya)..."

12

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلَلَّهِ الْحَمْدُ



### **Muslimin dan Muslimat yang berbahagia,**

Takbir adalah syiar sambutan hari raya. Bahkan, kegembiraan hari raya dimanifestasikan dengan alunan takbir yang penuh penghayatan. Padanya wujud rasa kesyukuran, kegembiraan dan keinsafan. Takbir dilaksanakan bertujuan mengagungkan Allah SWT dengan menyebut kalimah 'Allahuakbar' secara berulang kali. Dalam takbir hari raya kita bukan sahaja mengucapkan takbir, tetapi bersamanya lafaz-lafaz pujiyah lain yang mengungkapkan keagungan Allah SWT seperti lafaz tahmid, alhamdulillah, lafaz tasbih, subhanallah dan lafaz tahlil, lailaha illallah.

13

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

Lafaz-lafaz pujiyah yang diungkapkan mesti diikuti bersamanya penghayatan bahawa Allah SWT adalah Tuhan, Pencipta dan Pemilik segalanya. Setiap kita bahkan sekalian makhluk berhajat kepada-Nya. Justeru, sebagai hamba kita seharusnya insaf, tunduk serta patuh dalam mengerjakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.

14

Lafaz takbir hari raya turut mengingatkan kita peristiwa peperangan Ahzab.  
Lafaznya:

صَدَقَ وَعْدَهُ وَنَصَرَ عَبْدَهُ وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ

“Allah SWT membenarkan janji-Nya, membantu hamba-Nya dan mengalahkan pakatan al-Ahzab dengan sendiri-Nya.”

15

*(Riwayat Ahmad).*



Perkataan al-Ahzab dalam lafaz takbir merujuk peristiwa Perang Ahzab atau Perang Khandaq yang berlaku bulan Syawal tahun ke-5 Hijrah bersamaan 627 Masihi. Di waktu ini, umat Islam yang dibentengi parit diasak dari setiap sudut oleh pakatan sekutu musyrikin Mekah dan kelompok Yahudi Madinah. Dalam surah al-Ahzab ayat 10-11, Allah SWT menggambarkan situasi getir umat Islam di mana pandangan mata menjadi tidak tentu arah, hati resah gelisah dan perasaan bagaikan digoncang dengan dahsyatnya. Namun, dengan angin ribut kencang serta angkatan tentera malaikat yang tidak dilihat, Allah SWT membantu tentera Islam sebanyak 3000 orang dalam mengalahkan musuh yang melebihi 10,000 orang.

16

### **Muslimin dan Muslimat yang berbahagia,**

Syariat Ibadah korban yang dilaksanakan sepanjang Iduladha adalah zikrullah kerana sembelihan yang dikemukakan adalah kesyukuran di atas segala nikmat serta hidayah kurniaan-Nya dan ketulusan hati kerana Allah SWT. Ibadah korban adalah zikrullah kerana individu yang berkemampuan membelanjakan hartanya, menyembelih korbannya dan berbagi rezeki dagingnya kepada fakir miskin serta golongan yang layak menerimanya kerana Allah SWT.

17

Sungguh, keikhlasan dan ketulusan semata-mata kerana Allah SWT adalah syarat penerimaan ibadah di sisi-Nya. Firman Allah SWT dalam surah al-Hajj ayat 37 bermaksud:

*"Daging dan darah binatang korban atau hadiah itu tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepada-Nya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan takwa dari kamu. Demikianlah la memudahkan binatang-binatang itu bagi kamu supaya kamu membesarluan Allah kerana mendapat nikmat petunjuk-Nya. Dan sampaikanlah berita gembira (dengan balasan yang sebaik-baiknya) kepada orang-orang yang berusaha supaya baik amalnya".*

18

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ



Mengakhiri khutbah Iduladha pada tahun ini marilah kita menghayati dan mengambil pedoman terhadap perkara berikut:

1. Umat Islam hendaklah terus istiqamah dengan penghayatan zikrullah dalam setiap ibadah yang dilaksanakan seterusnya dimurnikan pelaksanaannya dengan ketulusan hati semata-mata kerana Allah SWT.
2. Umat Islam hendaklah yakin bahawa pejuang, pembela dan pendukung agama Allah SWT yang berkorban masa, harta dan tenaga mereka akan sentiasa berada dalam pembelaan Allah SWT.
3. Umat Islam hendaklah mengerjakan ibadah korban dengan rasa kesyukuran dan ketakwaan seterusnya menerapkan aspek tolong menolong, prihatin terhadap pihak yang memerlukan dan kasih mengasihi sesama insan.

19

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَلِكُلِّ أُمَّةٍ جَعَلْنَا مَنْسَكًا لِيَدُ كُرُواً أَسْمَ اللَّهِ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُمْ مِنْ بَهِيمَةٍ  
الآنَعِمٌ فِإِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ فَلَهُ وَآتَاهُمْ أَسْلِمُوا وَبَشِّرِ الْمُخْتَيِّنَ  
٣٤

20

"Dan bagi tiap-tiap umat, Kami syariatkan ibadat menyembelih korban (atau lain-lainnya) supaya mereka menyebut nama Allah sebagai bersyukur akan pengurniaan-Nya kepada mereka binatang-binatang ternak yang disembelih itu. Kerana Tuhan kamu semua ialah Tuhan Yang Maha Esa, maka hendaklah kamu tunduk taat kepada-Nya dan sampaikanlah berita gembira (wahai Muhammad) kepada orang-orang yang tunduk taat."

21

(Surah Al-Hajj: 34)



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.	22
أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.	23
كُلُّ عَامٍ وَأَنْتُمْ بِخَيْرٍ تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ وَصَالِحُ الْأَعْمَال اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ	24



## KHUTBAH KEDUA

<p>اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ</p>	1
<p>اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا. الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا وَمَا كُنَّا لِمُهْتَدٍ يَلْوُ لَا أَنْ هَدَانَا اللَّهُ،</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى أَهْلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	4
<p>Hari ini kita disunatkan untuk bergembira dan bersukaria dengan memakai pakaian yang indah dan serba baru. Tetapi janganlah pula kita lupa akan nasib yang telah dan sedang menimpa sebahagian umat Islam di negara kita dan negara lain yang menghadapi pelbagai ujian seperti Covid-19, penyakit kritikal, menghadapi perang, menjadi pelarian, bencana alam, kemiskinan, kebuluran dan tekanan hidup. Atas nama persaudaraan Islam, marilah kita hulurkan bantuan, derma, doa, khidmat nasihat dan sebagainya yang termampu sebagai rasa simpati dalam meringankan beban yang sedang mereka rasai dan deritai.</p>	5



<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.</p>	6
<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى، أَنْ تَحْفَظْ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وِقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،</p>	7
<p>جلالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سلاَغُورِ، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادريسِ شاهِ الحاجِ ابنِ المرحومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عبدِ العزيزِ شاهِ الحاجِ.</p>	8
<p>اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ</p>	9
<p>سلاَغُورِ، تَغْكُوَ أمِيرَ شاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادريسِ شاهِ الحاجِ</p>	
<p>فِي أَمْنِ وَصَلَاحِ وَعَافِيَةِ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالبِلَادِ، وَبِلَّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	10
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، إِدْفِعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَادَ وَالْمَحَنَّ، بِلْطُفْلِكَ يَا لَطِيفَ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	11
<p>رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفُحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٦﴾</p>	12



فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ  
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

13

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.  
تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ صَالِحَ الْأَعْمَال  
مِنَ الْعَائِدِينَ وَالْفَائِزِينَ، وَكُلُّ عَامٍ وَأَنْتُمْ بِخَيْرٍ

14